

BAB 2

VIETNAM SELEPAS PERJANJIAN GENEVA 1954

Vietnam Sehingga Tahun 1954

Vietnam pernah dijajah oleh China pada 111S.M.–939M dan Perancis sejak tahun 1884. Vietnam banyak dipengaruhi oleh tamadun China dari segi politik, ekonomi dan sosial¹ semasa dijajah oleh China.² Namun demikian, Vietnam masih berjaya mengekalkan keasliannya dalam banyak aspek.³

Selepas pemerintahan China digulingkan oleh Ngo Quyen pada tahun 939M, Vietnam dikenali sebagai Dai Co Viet (Greater Viet) yang merdeka.⁴ Namun demikian, Vietnam mengalami keadaan yang berpecah-belah dalam negeri. Sehingga pada tahun 1802, Vietnam disatukan oleh Maharaja Gia Long dan diberi nama sebagai Dai Nam.⁵ Keamanan yang dicapai oleh Vietnam ini tidak kekal lama kerana seluruh Vietnam jatuh ke dalam tangan Perancis selepas wilayah Cochinchina dijadikan tanah jajahan pada

¹ Dalam sistem pentadbiran, Vietnam mencontohi model China iaitu raja berada di puncak hierarki. Raja disifatkan sebagai "thien-tu" (anak Tuhan) yang telah diberi mandat untuk memerintah. Selain itu, Vietnam juga mendapat pengaruh Konfucianisme, Buddhisme dan Taoisme yang kuat. Golongan petani memainkan peranan yang penting dalam bidang ekonomi. Lihat Abu Talib Ahmad, *Sejarah Tanah Besar Asia Tenggara*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 37-44.

² Semasa penjajahan China, Vietnam dikenali sebagai Nan Yueh atau Nam Viet yang bermaksud Viet Selatan. Nama Nan Yueh ditukar kepada Annam yang bermaksud Selatan yang selamat pada abad ke-7 selepas tamatnya pemberontakan daripada rakyat Vietnam. Lihat D. R. SarDesai, *Vietnam: The Struggle for National Identity*, edisi kedua, Boulder : Westview Press, Inc., 1992, hlm. 2.

³ Philippe Devillers, *Sejarah Indo-China Modern : Perkembangan Sosipolitik hingga Abad ke-20*, terjemahan Ruhanas Harun, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, hlm. 206.

⁴ SarDesai, *Vietnam*, hlm. 2.

⁵ *Ibid.*, hlm. 2-3.

tahun 1862, dan Annam serta Tonkin dicantum menjadi negeri naungan Perancis melalui Perjanjian Patenotre pada 6 Jun 1884.⁶

Dari segi sejarah, bangsa Vietnam merupakan satu bangsa yang tua dan kuat serta bangga dengan sejarah mereka yang lama dan tinggi. Kekuatan bangsa ini dapat dilihat melalui penentangan mereka sejak pemerintahan China di Vietnam⁷ dan diteruskan semasa penjajahan Perancis dan Jepun.

Semasa penjajahan Perancis, beberapa dasar barat yang diperkenalkan oleh Perancis di Vietnam⁸ telah meniupkan semangat anti-kolonial di Vietnam, ini disebabkan oleh pelaksanaan dasar-dasar tersebut telah menyebabkan terhapusnya sistem pemerintahan tradisional Vietnam. Semua institusi negara itu hanya tinggal sebagai alat untuk meneruskan pemerintah penjajah.⁹

Selepas tahun 1920, corak penentangan Vietnam terhadap Perancis semakin terancang dan bersistematik dengan tertubuhnya parti-parti politik seperti *Viet Nam Thanh Nien Cach Menh Hoi* (1925) atau Persatuan Revolusi Pemuda Vietnam, Parti

⁶ Perancis menggunakan alasan Vietnam menindas misi-misi Katolik dan Kristian untuk menyerang Vietnam. Libat Devillers, *Sejarah Indo-China Modern*, hlm. 207-209.

⁷ *Ibid.*, hlm. 207.

⁸ Dasar-dasar ini termasuklah dasar assimilasi di Cochin China yang telah menghapuskan sistem tradisional di sana, kuasa pengutipan cukai di seluruh negara diberikan kepada pentadbir Perancis mulai Ogos 1898 dan penghapusan sistem pemilikan tanah petani. Libat Devillers, *Sejarah Indo-China Modern*, hlm. 210-212 dan David G. Marr, *Vietnamese Anticolonialism 1885-1925*, Berkeley: University of California Press, 1971, hlm.82.

⁹ Devillers, *Sejarah Indo-China Modern*, hlm. 213.

Komunis Indochina (1931) dan *Viet Nam Doc Lap Dong Minh* atau Viet Minh¹⁰ (1941) di bawah pimpinan Ho Chi Minh.¹¹

Semasa Perang Dunia Kedua, Vietnam diduduki oleh Jepun yang akhirnya berundur pada bulan Ogos 1945. Pengunduran tentera Jepun ini telah menyebabkan wujudnya keadaan kekosongan di negara tersebut. Keadaan sedemikian telah memberi peluang kepada Ho Chi Minh untuk cuba mengukuhkan kedudukannya di Vietnam dengan mengisyiharkan kemerdekaan Republik Demokratik Vietnam (Vietnam Utara) pada 2 September 1945.¹²

Selepas tamatnya Perang Dunia Kedua¹³ pada tahun 1945, wujudnya proses dekolonialisasi¹⁴ di Asia Tenggara. Persaingan penyebaran ideologi antara Blok

¹⁰ *Viet Nam Doc Lap Dong Minh* atau Viet Minh merupakan kumpulan-kumpulan anti-Jepun yang telah disatukan di bawah pimpinan Nguyen Ai Quoc pada bulan Mei 1941. Viet Minh juga dikenali sebagai Liga Kemerdekaan Vietnam. Lihat Hugh Higgins, *Vietnam*, London: Heinemann Educational Books Ltd., 1975, hlm. 13.

¹¹ Ho Chi Minh dilahirkan pada 19 Mei 1890 di kampung Kim Lien, wilayah Nghe Tinh, Vietnam. Sepanjang hidupnya, beliau mempunyai beberapa nama iaitu Nguyen Sinh Chung (nama asalnya), Nguyen Tat Thanh, Nguyen Ai Quoc (1917) dan Ho Chi Minh (1942). Beliau amat terpengaruh dengan idea Revolusi Perancis 1789 yang berbunyi Kebebasan, Persamaan dan Persaudaraan. Idea ini telah diterapkan oleh beliau dalam penentangan terhadap penjajah Perancis dan Amerika Syarikat di Vietnam. Hasrat beliau ialah membentuk negara Vietnam yang bebas dan merdeka. Beliau meninggal dunia pada 2 September 1969. Lihat UNESCO, *Ho Chi Minh*, Hanoi : Vietnam Social Sciences Commission, Jun 1989, hlm. 11-18.

¹² Jean Chesneaux, *The Vietnamese Nation : Contribution to a History*, terjemahan Malcolm Salmon, Sydney: Current Book Distributors Pty. Ltd., 1966, hlm. 160.

¹³ Perang Dunia Kedua bermula di Eropah pada tahun 1939 dan merebak ke Asia dan Afrika. Perang ini tamat secara rasminya pada September 1945 setelah Amerika Syarikat menjatuhkan dua bom atom di Hiroshima (6 Ogos 1945) dan Nagasaki (9 Ogos 1945) untuk memaksa Jepun menyerah kalah serta-merta tanpa sebarang syarat. Lihat Peter Calvocoressi, *Politik Dunia Sejak 1945*, terjemahan Abdul Ghaffar Laili, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 3.

¹⁴ Proses dekolonialisasi bermaksud wujud suatu kesedaran bahawa kuasa-kuasa barat atau kuasa imperialis seperti Britain, Perancis, Belanda, Portugis, Belgium dan Sepanyol mesti memulakan usaha untuk berundur dari tanah jajahan mereka di Asia Tenggara atau Afrika atas desakan Amerika Syarikat. Lihat Rudolf Van Albertini, "The Impact of the Two World War on the Decline of Colonialism", dalam Tony Smith (ed.), *The End of the European Empire : Decolonization After World War II*, Lexington : D.C. Heath and Company, 1975, hlm. 13.

Komunis yang diketuai oleh Soviet Union dan Blok Bukan Komunis (Kapitalis) yang dipimpin oleh Amerika Syarikat telah mencetuskan Perang Dingin.¹⁵ Akibatnya, Vietnam yang terlibat secara tidak langsung dalam kancah Perang Dingin telah menyebabkan ia menjadi medan persaingan kuasa antara dua kuasa besar ini.

Pada bulan Mac 1946, Perancis kembali berkuasa di Indochina.¹⁶ Namun demikian, berlaku pertempuran antara Perancis dan Viet Minh pada 20 November 1946 apabila tentera Perancis menahan sebuah kapal yang membawa alat senjata di pelabuhan Haiphong.¹⁷ Dalam hal ini, Vietnam Utara menuduh pihak Perancis telah melampaui batas kuasa mereka. Kegagalan Viet Minh berundur dari pelabuhan Haiphong seperti mana yang diminta oleh Perancis telah menyebabkan Perancis mula mengebom Haiphong pada 23 November 1946.¹⁸

Pada Januari 1950 Vietnam Utara mendapat pengiktirafan diplomatik dari Republik Rakyat China¹⁹ dan Soviet Union.²⁰ Sementara Vietnam Selatan di bawah

¹⁵ Perang Dingin juga dikenali sebagai Perang Propaganda atau Perang Psikologi atau Perang Proksi antara kedua-dua blok ini. Ini kerana Amerika Syarikat dan Soviet Union banyak menggunakan propaganda untuk menyebarkan ideologi demokrasi dan komunis di seluruh dunia. Malah propaganda telah digunakan untuk memburukkan imej pihak lawan. Untuk keterangan lanjut, lihat Martin McCauley, *The Origin of the Cold War 1941-1949*, edisi kedua, New York : Addison Wesley Longman Inc., 1995, hlm. 99-109 dan Stephen E. Ambross, *Rise to Globalism*, America Foreign Policy since 1938, New York : Penguin Books, 1971, hlm. 103.

¹⁶ Perancis mengakui Republik Demokratik Vietnam sebagai sebuah kerajaan yang bebas (free state) dengan mempunyai sebuah kerajaan, parlimen dan angkatan tentera sendiri serta membentuk sebahagian daripada Persekutuan Indochina dan Kesatuan Perancis. Lihat Hugh Higgins, *Vietnam*, London : Heinemann Educational Books, Ltd., hlm. 17-21 dan Victor A De Fiosi, "Is United States Participation in South Vietnam and Cambodia", 7 Disember 1970, hlm. 3-4, US, National Security Council, *US National Security Council Histories : Vietnam*.

¹⁷ Bernard B. Fall, *The Viet-Minh Regime : Government and Administration in the Democratic Republic of Vietnam*, Ithaca : Cornell University, 1982, hlm. 3.

¹⁸ Kevin Ruane, *War and Revolution in Vietnam 1930-1975*, London : UCL Press, 1998, hlm. 17.

¹⁹ Republik Rakyat China wujud pada tahun 1949 dan menjadi negara komunis di bawah pimpinan Mao Zedong. *Ibid.*

²⁰ *Ibid.*, hlm. 25.

kerajaan Bao Dai²¹ diiktiraf oleh Amerika Syarikat, Britain dan 33 buah negara yang lain pada tahun 1950-1954.²²

Kejayaan General Vo Nguyen Giap²³ mengalahkan tentera Perancis di Dien Bien Phu²⁴ pada 7 Mei 1954²⁵ menamatkan pemerintahan Perancis di Vietnam. Justeru itu, Persidangan Geneva telah diadakan pada 8 Mei 1954²⁶ untuk membincang masalah Indochina. Persidangan tersebut boleh dikatakan lebih kepada persidangan kuasa-kuasa besar kerana keputusan penting yang diumumkan kebanyakannya merupakan perjanjian yang telah dicapai dalam perbincangan persendirian antara Britain, Perancis, Soviet Union, Republik Rakyat China dan Vietnam Utara.

Persidangan Geneva yang berakhir pada 21 Julai 1954 telah mencapai dua perjanjian utama iaitu Perjanjian Gencatan Senjata dan Pengisytiharan Terakhir Persidangan Geneva.²⁷ Melalui Perjanjian Gencatan Senjata:

- a. Vietnam dibahagikan kepada dua bahagian di garisan lintang 17°U dengan Zon Bebas Tentera 5 km di kedua-dua belah. Kemudian dalam tempoh 300 hari tentera-tentera Vietnam dan Perancis mesti berundur secara berperingkat-peringkat ke kawasan masing-masing.

²¹ Bao Dai atau Nguyen Vinh Thuy yang dilahirkan pada tahun 1911 merupakan Maharaja Vietnam yang terakhir iaitu dari tahun 1925-1945. Beliau dikenali sebagai "Putera Rakyat" semasa pemerintahan Ho Chi Minh pada tahun 1945-1946. Semasa pemerintahan Perancis pula, beliau dikenali sebagai "Maharaja Boneka". Bao Dai digulingkan pada tahun 1955. Lihat Bernard C. Nalty (ed.), *The Vietnam War – The History of America's Conflict in Southeast Asia*, London : Salamander Books Limited, 1996, hlm. 11.

²² Victor A. De Fiori, "US United States Participation in South Vietnam and Cambodia", 7 Disember 1970, hlm. 4, US, National Security Council, *US National Security Council Histories : Vietnam*.

²³ Jeneral Vo Nguyen Giap dilahirkan pada tahun 1912 di kampung An Xa, wilayah Quangbinh. Beliau merupakan Menteri Pertahanan Vietnam Utara dan beliau mengarahkan operasi tentera di Vietnam Selatan.

²⁴ Dien Bien Phu terletak di Vietnam Utara yang berdekatan dengan sempadan Laos.

²⁵ Peter A. Poole, *Dien Bien Phu, 1954 : The Battle That Ended the First Indochina War*, New York: Franklin Watts, Inc., 1972, hlm. 67.

²⁶ Lewy, *America in Vietnam*, hlm. 7.

²⁷ Allan Watt, *Vietnam: An Australian Analysis*, Melbourne: F. W. Cheshire Publishing , 1968, hlm. 54.

- b. Peralatan tentera tidak dibenarkan diimport kecuali untuk tujuan penukaran alat-alat senjata yang telah lusuh sahaja.
- c. Sementara orang-orang awam dibenarkan bebas bergerak di kedua-dua kawasan tersebut sehingga tamatnya tempoh 300 hari pengunduran tentera.
- d. Satu Suruhanjaya Kawalan Antarabangsa (International Control Commission) yang terdiri daripada wakil-wakil Kanada, India, dan Poland telah ditubuhkan untuk menyelia pelaksanaan perjanjian.²⁸

Sementara Pengisyiharan Terakhir (The Final Declaration) menyatakan bahawa:

- a. Pilihan raya umum diadakan pada bulan Julai 1956 di bawah pengawasan Suruhanjaya Kawalan Antarabangsa untuk menyatukan Vietnam.
- b. Kerajaan Perancis berjanji mengundur tenteranya dari kawasan jajahannya di Kemboja, Laos dan Vietnam untuk menghormati kemerdekaan, kedaulatan, Kesatuan dan Penyatuan Kemboja, Laos dan Vietnam.²⁹

Dalam Persidangan Geneva, Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan memang tidak bersetuju untuk mengadakan pilihan raya umum di Vietnam pada tahun 1956. Kedudukan Amerika Syarikat dalam persidangan itu seringkali bertentangan. Ini kerana Amerika Syarikat bersetuju dengan idea persidangan perdamaian, namun ia menentang sebarang kompromi dengan komunis, terutamanya berkaitan dengan idea pembahagian Vietnam kepada dua.³⁰ Sementara Vietnam Selatan di bawah pemerintah Ngo Dinh Diem³¹ yang menerima bantuan dari Amerika Syarikat juga tidak ingin mengadakan pilihan raya tersebut. Beliau menganggap orang-orang yang menerima pembahagian Vietnam secara tentera dengan melepaskan sebahagian daripada Vietnam kepada komunis sebagai pengkhianat.³²

²⁸ Ibid.

²⁹ Ibid.

³⁰ Poole, *Dien Bien Phu*, 1954, hlm. 70-76.

³¹ Ngo Dinh Diem dilantik sebagai Perdana Menteri di Vietnam Selatan pada Jun 1954 dan telah digulingkan pada 1 November 1963.

³² Devillers, *Sejarah Indo-China Modern*, hlm. 352-353.

Keadaan di Vietnam selepas Perjanjian Geneva 1954 ialah Vietnam telah dipisahkan kepada dua bahagian iaitu Vietnam Utara dan Vietnam Selatan pada garisan lintang 17°U .³³ Vietnam Utara dibentuk di bawah kerajaan komunis dengan dipimpin oleh Ho Chi Minh, sementara Vietnam Selatan di bawah pimpinan Ngo Dinh Diem yang disokong oleh Perancis dan Amerika Syarikat.

Menurut Lewy, pilihan raya yang akan diadakan di Vietnam pada tahun 1956 tidak diberi pertimbangan yang serius semasa di Geneva. Sebaliknya Perjanjian Geneva dilihat sebagai satu pengakuan dunia antarabangsa bahawa Vietnam akan dipecahkan kepada dua buah negara seperti yang berlaku pada Jerman dan Korea.³⁴ Menurut Kolko pula, pilihan raya tahun 1956 yang dianggap sebagai satu penyelesaian politik hanyalah bermakna sekiranya Ho Chi Minh tidak menghadapi sebarang persaingan daripada Ngo Dinh Diem.³⁵ Namun, kegagalan pelaksanaan Perjanjian Geneva sepenuhnya telah menyebabkan Ho Chi Minh kembali kepada perjuangan bersenjata pada tahun 1959 untuk menyatukan Vietnam.³⁶

Vietnam Utara Selepas Perjanjian Geneva

Selepas pelaksanaan gencatan senjata dan pengunduran keluar tentera Perancis dari Hanoi dan Utara Vietnam pada garisan lintang 17°U sejak tahun 1954, Vietnam Utara muncul sebagai sebuah negara komunis yang merdeka dan berdaulat di bawah

³³ Lihat Peta 1.

³⁴ Lewy, *America in Vietnam*, hlm. 8 dan Nguyen Khac Vien, *Vietnam : A Long History*, Hanoi : Foreign language Publishing House, 1987, hlm. 318.

³⁵ Abu Talib Ahmad, *Sejarah Tanah Besar Asia Tenggara*, hlm. 229.

³⁶ Jean Lacouture, *Ho Chi Minh*, terjemahan Peter Wiles, London : The Penguin Press, 1968, hlm. 159.

pimpinan Ho Chi Minh.

Ho Chi Minh menghadapi pelbagai masalah yang rumit yang diakibatkan oleh pemisahan negara dan juga perperangan yang sebelumnya untuk membangunkan semula sebuah negara sosialis selepas Perjanjian Geneva 1954. Walau bagaimanapun, beliau tidak menghadapi masalah politik yang berpecah seperti yang dihadapi oleh Ngo Dinh Diem. Sebaliknya, beliau mempunyai kuasa yang sepenuhnya terhadap jentera kerajaan untuk membangunkan negaranya.³⁷ Justeru itu, *Dang Lao Dong Viet Nam* atau Parti Pekerja Vietnam (Parti Lao Dong) yang ditubuhkan pada 3 Mac 1951 merupakan organisasi pentadbiran di Vietnam Utara yang bertanggungjawab menentukan setiap dasar kerajaan, berdasarkan doktrin Marx, Engels, Lenin dan Mao Tze Tung.³⁸

Dari segi pembangunan ekonomi, tahun 1954-1958 dikenali oleh Parti Pekerja Vietnam sebagai tempoh pemulihian ekonomi yang bertumpu kepada tiga tugas utama iaitu memulihkan semula pengeluaran pertanian dan perindustrian serta kemudahan pengangkutan. Dalam usaha melaksanakannya, Vietnam Utara telah meminta bantuan pinjaman dan bantuan teknikal dari negara-negara Blok Komunis seperti Republik Rakyat China dan Soviet Union untuk mengelakkan kebuluran dan mencapai tujuan-tujuan ekonominya.³⁹

³⁷ Roy Jumper and Marjorie Weiner Normand, "Vietnam", dalam George McTurnan Kahin (ed.), *Kerajaan dan Politik Asia Tenggara*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982, hlm. 514

³⁸ Devillers, *Sejarah Indo-China Modern*, hlm. 344 dan Fall, *The Viet-Minh Regime*, hlm. 21, 36.

³⁹ Jumper and Normand, "Vietnam", hlm. 515.

Sementara pelaksanaan Rancangan Tiga Tahun (1958-1960) bertujuan mengubah ekonomi negara mengikuti landasan-ladasan sosialis dengan menitikberatkan peningkatan pengeluaran hasil-hasil pertanian. Ini termasuklah peningkatan sektor awam dalam bidang ekonomi terutamanya perindustrian dan perdagangan.⁴⁰

Tahun 1960 merupakan titik perubahan bagi Vietnam Utara dari segi politik dan ekonomi. Perlembagaan baru yang diumumkan pada 1 Januari 1960⁴¹ oleh Presiden Ho Chi Minh menegaskan Vietnam Utara merupakan sebuah negara komunis dari segi institusi doktrin ekonomi serta politiknya. Selain itu, perlembagaan tersebut juga telah meningkatkan peranan presiden.⁴² Jadi ini telah memberi peluang kepada Presiden Ho Chi Minh untuk menjalankan sesuatu dasar dengan lebih mudah.

Dalam Kongres Ketiga Parti Pekerja pada tahun 1960, Presiden Ho Chi Minh telah menyatakan bahawa tugas utama parti ialah membimbing Vietnam ke jalan sosialisme.⁴³ Dalam aspek ini, Vietnam Utara mencontohi sistem sosialis Soviet Union.⁴⁴ Polisi politik dan ekonomi yang bertujuan membina sosialisme di Vietnam Utara telah diterapkan dalam Rancangan Lima Tahun Pertama pada tahun 1961-1965. Rancangan tersebut bertujuan membawa Vietnam Utara daripada ekonomi yang berdasarkan keupayaan sendiri di dalam bidang pengeluaran kepada ekonomi sosialis

⁴⁰ William Kaye, "A Bowl of Rice Divided : The Economy of North Vietnam", dalam P. J. Honey (ed.), *North Vietnam Today: Profile of a Communist Satellite*, New York: Frederick A. Praeger, Inc., 1962, hlm. 108-109.

⁴¹ Jumper and Normand, "Vietnam", hlm. 621.

⁴² *Ibid.*, hlm. 622-623.

⁴³ *Ibid.*, hlm. 629.

⁴⁴ SarDesai, *Vietnam*, hlm. 70.

Sementara pelaksanaan Rancangan Tiga Tahun (1958-1960) bertujuan mengubah ekonomi negara mengikuti landasan-lendasn sosialis dengan menitikberatkan peningkatan pengeluaran hasil-hasil pertanian. Ini termasuklah peningkatan sektor awam dalam bidang ekonomi terutamanya perindustrian dan perdagangan.⁴⁰

Tahun 1960 merupakan titik perubahan bagi Vietnam Utara dari segi politik dan ekonomi. Perlembagaan baru yang diumumkan pada 1 Januari 1960⁴¹ oleh Presiden Ho Chi Minh menegaskan Vietnam Utara merupakan sebuah negara komunis dari segi institusi doktrin ekonomi serta politiknya. Selain itu, perlembagaan tersebut juga telah meningkatkan peranan presiden.⁴² Jadi ini telah memberi peluang kepada Presiden Ho Chi Minh untuk menjalankan sesuatu dasar dengan lebih mudah.

Dalam Kongres Ketiga Parti Pekerja pada tahun 1960, Presiden Ho Chi Minh telah menyatakan bahawa tugas utama parti ialah membimbing Vietnam ke jalan sosialisme.⁴³ Dalam aspek ini, Vietnam Utara mencontohi sistem sosialis Soviet Union.⁴⁴ Polisi politik dan ekonomi yang bertujuan membina sosialisme di Vietnam Utara telah diterapkan dalam Rancangan Lima Tahun Pertama pada tahun 1961-1965. Rancangan tersebut bertujuan membawa Vietnam Utara daripada ekonomi yang berdasarkan keupayaan sendiri di dalam bidang pengeluaran kepada ekonomi sosialis

⁴⁰ William Kaye, "A Bowl of Rice Divided : The Economy of North Vietnam", dalam P. J. Honey (ed.), *North Vietnam Today: Profile of a Communist Satellite*, New York: Frederick A. Praeger, Inc., 1962, hlm. 108-109.

⁴¹ Jumper and Normand, "Vietnam", hlm. 621.

⁴² *Ibid.*, hlm. 622-623.

⁴³ *Ibid.*, hlm. 629.

⁴⁴ SarDesai, *Vietnam*, hlm. 70.

yang berdasarkan keupayaan ramai iaitu dari satu sistem pengeluaran secara kecil kepada satu sistem pengeluaran mengikut bidang sosialis.⁴⁵

Dalam usaha membangunkan ekonomi negaranya, Vietnam Utara telah menerima bantuan dari negara Blok Komunis dari tahun 1955-1965. Jadual berikut menunjukkan bantuan ekonomi yang diterima oleh Vietnam Utara dari negara komunis.

Jadual 1 : Vietnam Utara Menerima Bantuan Ekonomi dari Blok Komunis (1955-1965)

Negara	Jumlah Wang (\$ juta Amerika Syarikat)
Republik Rakyat China	457.5
Soviet Union	365.0
Eropah Timur	88.5

Sumber : Diubahsuai daripada William Kaye, "A Bowl of Rice Divided : The Economy of North Vietnam", dalam P.J. Honey (ed.), *North Vietnam Today : Profile of a Communist Satellite*, New York: Frederick A. Praeger, 1962, hlm. 115.

Berdasarkan data di atas, Vietnam Utara telah menerima sebanyak \$911 juta dari Blok Komunis dalam tempoh sepuluh tahun untuk membangunkan ekonomi negaranya.

Dari segi politik pula, Pengisytiharan Terakhir yang menjanjikan pilihan raya umum pada tahun 1956 telah meninggikan semangat kerajaan Vietnam Utara untuk merealisasikan hasratnya dalam penyatuan semula Vietnam. Untuk mencapai hasrat tersebut, Vietnam Utara telah melancarkan kempen propaganda secara besar-besaran di Vietnam Selatan pada tahun 1955 sebagai persediaan untuk menghadapi pilihan raya

⁴⁵ Jumper and Normand, "Vietnam", hlm. 516.

umum pada tahun 1956.⁴⁶ Tindakan ini jelas membuktikan bahawa Vietnam Utara sememangnya bersiap sedia untuk mencapai kemenangan dalam pilihan raya tersebut supaya dapat merealisasikan hasratnya. Kegagalan Vietnam Selatan untuk mengadakan pilihan raya umum pada tahun 1956 telah memaksa Vietnam Utara menukar strategi perjuangannya kepada perjuangan bersenjata pada tahun 1959 untuk menyatukan Vietnam. Justeru itu, *Mat Tran Dan Toc Giai Phong* atau Barisan Pembelaan Kebangsaan Vietnam Selatan⁴⁷ telah ditubuhkan pada akhir tahun 1960 adalah bertujuan membebaskan Vietnam Selatan.⁴⁸ Barisan Pembelaan Kebangsaan menyeru semua golongan kelas sosial, parti politik dan pertubuhan-pertubuhan bekerjasama menggulingkan rejim Ngo Dinh Diem yang berada di bawah pengaruh Amerika Syarikat untuk menubuhkan kerajaan campuran.⁴⁹ Hasil perjuangan Barisan Pembelaan Kebangsaan dapat dilihat apabila rejim Ngo Dinh Diem digulingkan pada 1 November 1963. Namun demikian, perang saudara masih berterusan sehingga tahun 1975.

Vietnam Selatan Selepas Perjanjian Geneva

Sejak awal tahun 1954, Amerika Syarikat telah mendesak Perancis agar menyusun semula kerajaan Vietnam Selatan dengan seorang Perdana Menteri yang berkebolehan untuk mewakili kepentingan orang-orang Vietnam. Justeru itu, pada 16

⁴⁶ Gale W. McGee, *The Responsibilities of World Power*, Washington D.C. : The National Press, 1968, hlm. 66.

⁴⁷ Barisan Pembelaan Kebangsaan Vietnam Selatan lebih kerap dipanggil sebagai Barisan Pembelaan Kebangsaan. Ia merupakan satu organisasi yang ahlinya terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat seperti wakil-wakil Katolik, Buddha, Cao Dai, Hoa Hao, kumpulan puak bukit, profesional, peniaga, guru dan pelajar. Lihat Edgar O'Balance, *The War in Vietnam, 1954-1973*, London : Ian Allan Ltd., 1975, hlm. 34.

⁴⁸ SarDesai, *Vietnam*, hlm. 356 dan Franklin B. Weinsterm, *Vietnam's Unheld Election : The Failure to Carry Out the 1956 Reunification Elections and the Effect on Hanoi's Present Outlook*, Ithaca : Cornell University, 1966, hlm. 56.

⁴⁹ Jumper and Normand, "Vietnam", hlm. 640.

Jun 1954, Bao Dai telah melantik Ngo Dinh Diem sebagai Perdana Menteri di Vietnam Selatan.⁵⁰

Kekosongan kuasa yang ditinggalkan oleh Perancis dan pengunduran Viet Minh dari kawasan kawalan mereka sejak tahun 1954 bukan merupakan satu perkara yang senang untuk dikendalikan oleh Ngo Dinh Diem yang tidak mempunyai sistem politik yang kukuh. Kerajaan yang dibentuknya pada 7 Julai 1954 telah menghadapi masalah politik, tentera dan ekonomi yang diakibatkan oleh pemisahan Vietnam kepada dua buah negara pada garisan lintang 17°U. Keadaan ini telah digambarkan oleh ketibaan 888,000 orang pelarian yang meninggalkan Vietnam Utara sebelum 18 Mei 1955 iaitu hari terakhir tempoh 300 hari yang telah dipersetujui dalam Perjanjian Geneva.⁵¹

Selain itu, Ngo Dinh Diem juga perlu menghadapi masalah pembahagian kuasa tentera dan politik antara tiga mazhab politik tentera iaitu Cao Dai dan Hoa Hao yang bersifat keagamaan dan Binh Xuyen bukan bersifat keagamaan.⁵² Untuk membentuk sebuah kerajaan yang kuat, Ngo Dinh Diem bertindak menghapuskan kuasa autonomi pihak-pihak mazhab dan pasukan tentera. Tindakan beliau boleh dilihat sebagai satu strategi untuk mengukuhkan kuasa politiknya di Vietnam Selatan.

Walau bagaimanapun, kelemahan kerajaan Bao Dai telah menimbulkan kebimbangan Vietnam Selatan dan Amerika Syarikat bahawa Vietnam Utara akan

⁵⁰ *Ibid.*, hlm. 510.

⁵¹ *Ibid.*, hlm. 510-511.

⁵² Devillers, *Sejarah Indo-China Modern*, hlm. 356.

menang dalam pilihan raya pada tahun 1956. Dalam hal ini, Amerika Syarikat telah menggunakan alasan penyekatan pengaruh komunis di Vietnam Selatan untuk mengukuhkan rejim Ngo Dinh Diem di Saigon dan seterusnya membebaskan rejim ini daripada pengaruh Perancis. Selain itu, Agensi Perisikan Pusat, Amerika Syarikat (Central Intelligence Agency / CIA) juga telah menghantar Kolonel Edward Lansdale⁵³ untuk membantu Ngo Dinh Diem pada bulan Julai 1954.⁵⁴

Selain itu, Presiden Ngo Dinh Diem turut menghadapi masalah penentangan daripada penganut agama Buddha akibat daripada dasarnya yang pro-katolik dan menghalang perayaan agama Buddha secara bebas. Ini ditambah pula dengan abangnya Ngo Dinh Thuc selaku Ketua Biskop Katolik yang juga menentang agama Buddha.⁵⁵ Penentangan daripada penganut agama Buddha adalah nyata apabila Ngo Dinh Thuc menghalang perayaan Hari Kelahiran Buddha di Hue pada 7 Mei 1963. Tindakan beliau ini telah menyebabkan penganut agama Buddha seperti Thich Quang Duc bangkit menentang kerajaan di Saigon.⁵⁶ Ini dapat dibuktikan dalam tunjuk perasaan dan membakar diri oleh sami-sami Buddha. Tindakan Ngo Dinh Diem dan Ngo Dinh Thuc yang tidak adil terhadap penganut agama Buddha telah menyebabkan Kampuchea memutuskan hubungannya dengan Saigon dan Peking pula mengcam kerajaan Saigon

⁵³ Kolonel Edward Lansdale merupakan orang yang pakar dalam pencegahan pemberontakan. Beliau bertugas di CIA dan dihantar ke Vietnam Selatan menjadi penasihat kepada Presiden Ngo Dinh Diem dari tahun 1954-1956. Beliau juga merupakan pembantu khas kepada Duta Amerika Syarikat di Vietnam Selatan pada tahun 1965-1968. Lihat Nalty (ed.), *The Vietnam War*, him. 13.

⁵⁴ *Ibid.*

⁵⁵ Semasa penjajahan Perancis di Vietnam, sami-sami Buddha diberi kuasa autonomi dalaman untuk menjalankan urusan biasa dan kebebasan untuk meraihkan sesuatu perayaan agama Buddha. Keadaan ini telah berubah sejak pemerintahan Ngo Dinh Diem di Vietnam Selatan. Lihat Devillers, *Sejarah Indo-China Modern*, him. 390.

⁵⁶ SarDesai, *Vietnam*, him. 78-79.

yang menindas pengikut agama Buddha. Malah Jeneral De Gaulle mengatakan bahawa Perancis hanya akan bekerjasama dengan Vietnam Selatan sekiranya negara itu bertindak secara bebas.⁵⁷

Amerika Syarikat memang tidak ingin melihat hubungan antara Vietnam Selatan dengan Perancis berbaik semula kerana ini akan menghancurkan hasratnya untuk mengukuhkan kuasanya di Vietnam untuk menyekat pengaruh komunis di sana. Keadaan menjadi semakin tegang apabila Ngo Dinh Nhu⁵⁸ dan Ngo Dinh Diem mengancam akan membuat perbincangan terus dengan Hanoi dan mencari dasarnya sendiri untuk menyelesaikan masalah Vietnam serta ingin berhubung dengan Perancis dalam hal ini.⁵⁹

Ancaman tersebut telah menyebabkan Amerika Syarikat mencari jalan memaksa Ngo Dinh Diem menerima “Rancangan Amerika” ataupun melepaskan kuasanya. Akibatnya pada 1 November 1963 Ngo Dinh Diem dan Ngo Dinh Nhu telah digulingkan oleh sekumpulan Jeneral dan kemudian dibunuh di Cholon.⁶⁰ Pucuk pimpinan jatuh ke dalam tangan Jeneral Duong Van Minh dan tamatnya era pemerintahan Ngo Dinh Diem.

⁵⁷ Devillers, *Sejarah Indo-China Modern*, hlm. 390.

⁵⁸ Ngo Dinh Nhu merupakan adik kepada Ngo Dinh Diem dan menjadi penasihat utama kepada Ngo Dinh Diem. Beliau meninggal dunia pada tahun 1963. Lihat Nalty (ed.), *The Vietnam War*, hlm. 14.

⁵⁹ Devillers, *Sejarah Indo-China Modern*, hlm. 390.

⁶⁰ *Ibid.*

Perang Saudara

Sejak pemisahan Vietnam pada tahun 1954 dan pembentukan rejim Ngo Dinh Diem di Vietnam Selatan, dasar Vietnam Utara terhadap Vietnam Selatan adalah diasaskan kepada anggapan bahawa kerajaan Ngo Dinh Diem akan runtuh hasil daripada penentangan dalaman. Justeru itu, penyatuan semula Vietnam dapat dicapai sama ada melalui rundingan dengan rejim baru ataupun menerusi pilihan raya di seluruh negara pada tahun 1956 seperti yang diperuntukkan dalam Pengisytiharan Terakhir Persidangan Geneva.⁶¹

Seterusnya, kempen propaganda yang dilancarkan oleh Vietnam Utara secara besar-besaran di Vietnam Selatan pada tahun 1955 merupakan satu strategi yang dirancang oleh kerajaan Hanoi sebagai persediaan untuk mendapat sokongan padu daripada rakyat Vietnam Selatan dalam pilihan raya yang akan diadakan pada tahun 1956.⁶² Tindakan Vietnam Utara ini adalah untuk memastikan kemenangan dalam pilihan raya tersebut supaya dapat mencapai hasratnya untuk menyatukan Vietnam.

Pada akhir bulan Julai 1956, persediaan telah dibuat untuk mengadakan pilihan raya di seluruh Vietnam.⁶³ Namun demikian, kerajaan Ngo Dinh Diem yang mendapat galakkan dari Amerika Syarikat supaya menjadikan Vietnam Selatan sebagai sebuah negara merdeka dan menukar sempadan sementara pada garisan lintang 17°U kepada sempadan antarabangsa, telah menolak sebarang kerjasama dengan Suruhanjaya

⁶¹ Jumper and Normand, "Vietnam", hlm. 638.

⁶² McGee, *The Responsibilities of World Power*, hlm. 66.

⁶³ Jumper and Normand, "Vietnam", hlm. 639.

Kawalan Antarabangsa dalam perancangan pilihan raya pada tahun 1956.⁶⁴ Tindakan Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan ini jelas menunjukkan bahawa pendirian mereka tetap sama sejak Pengisytiharan Terakhir pada tahun 1954 iaitu tidak bersetuju dengan pilihan raya umum pada tahun 1956 kerana takut akan kalah kepada pihak Ho Chi Minh dalam pilihan raya.

Kegagalan Vietnam Selatan mengadakan pilihan raya pada tahun 1956 telah menyebabkan Vietnam Utara mengubah strategi perjuangannya kepada perjuangan bersenjata pada tahun 1959 untuk mencapai matlamat penyatuan Vietnam setelah gagal dicapai menerusi perundingan.⁶⁵ Menurut Ho Chi Minh, tiada benda yang lebih bernilai daripada kemerdekaan dan kebebasan.⁶⁶ Maka kerana prinsip inilah, akhirnya telah mendorong Ho Chi Minh menggunakan kuasa tentera untuk mencapai penyatuan Vietnam.⁶⁷

Keinginan Vietnam Utara untuk menyatukan semula Vietnam jelas kelihatan apabila kerajaan Hanoi memberi sokongan tentera kepada Barisan Pembebasan Kebangsaan Vietnam Selatan untuk menggulingkan kerajaan Ngo Dinh Diem dan membebaskan Vietnam Selatan daripada pengaruh Amerika Syarikat. Malah Parti Revolusi Rakyat (People's Revolutionary Party) yang ditubuhkan pada 1 Januari 1962 juga berfungsi sebagai wakil kerajaan Hanoi untuk mengendalikan pemberontakan di Vietnam Selatan.⁶⁸

⁶⁴ SarDesai, *Vietnam*, hlm. 65-66 dan McGee, *The Responsibilities of World Power*, hlm. 66.

⁶⁵ John Richard Hicks, *Vietnamese-Soviet Relations, China and South East Asia*, Hull : University of Hull, 1962, hlm. 16.

⁶⁶ UNESCO, *Ho Chi Minh*, hlm. 34.

⁶⁷ SarDesai, *Vietnam*, hlm. 74.

⁶⁸ *Ibid.*

Keadaan sedemikian telah mencetuskan perang saudara antara Vietnam Utara dan Vietnam Selatan dari tahun 1959 hingga 1975. Perang saudara yang berlaku di Vietnam ini telah meningkatkan campur tangan Amerika Syarikat dalam Perang Vietnam. Malah, Perang Vietnam dikatakan sebagai Perang Proksi antara Blok Komunis dan Blok Bukan Komunis (Kapitalis) kerana melibatkan kuasa-kuasa besar seperti Soviet Union, Republik Rakyat China dan Amerika Syarikat.

Perang yang berlaku antara Vietnam Utara dan Vietnam Selatan telah menyaksikan kepelbagaian kaedah dari segi taktik perang dan penggunaan senjata. Pada masa ini juga Vietnam Utara telah menggunakan segala kepakaran dan pengalamannya dalam perang-perang sebelum ini untuk menyusup tentera dan alat senjata ke Vietnam Selatan dalam kadar yang sebanyak mungkin.

Laluan Ho Chi Minh di Darat

Selepas pilihan raya umum gagal diadakan pada tahun 1956, maka pada bulan Mei 1959, ahli jawatankuasa induk Parti Lao Dong⁶⁹ di Vietnam Utara telah membuat keputusan melancarkan perang revolusi untuk menyatukan Vietnam Utara dan Vietnam Selatan.⁷⁰ Maka pada tahun yang sama, kerajaan Hanoi telah menuahkan Pejabat Pusat Vietnam Selatan (Central Office in South Vietnam / COSVN) yang beribu pejabat di sekitar Long Khanh, wilayah Binh Duong iaitu kira-kira 40 batu dari utara Saigon.⁷¹

⁶⁹ Parti Lao Dong juga dikenali sebagai Parti Pekerja Vietnam yang merupakan organisasi pentadbiran Vietnam Utara yang menentukan segala dasar kerjaan. Lihat Devillers, *Sejarah Indo-China Modern*, him. 344.

⁷⁰ O' Ballance, *The War in Vietnam*, him. 34.

⁷¹ *Ibid.*, him. 35.

COSVN ini berfungsi sebagai organisasi yang mewakili Parti Lao Dong untuk menjalankan operasi menggulingkan kerajaan Vietnam Selatan.

Seterusnya Kumpulan Pengangkutan 559 (559th Transportation Group) telah ditubuhkan pada bulan Mei 1959 untuk mengendalikan hal ehwal penyusupan ketenteraan ke Vietnam Selatan melalui laluan darat.⁷² Penyusupan ketenteraan ke Vietnam Selatan adalah perlu untuk menyokong perjuangan Barisan Pembelaan Kebangsaan di Vietnam Selatan. Terdapat dua objektif penubuhan Barisan Pembelaan Kebangsaan iaitu menggulingkan rejim Ngo Dinh Diem dan menyatukan Vietnam Utara dan Vietnam Selatan untuk menjadi sebuah negara komunis.⁷³

Pada peringkat awal, aktiviti penyusupan ketenteraan dijalankan secara besar-besaran melalui kawasan Banjaran Truong Son yang bersempadan dengan Laos dan Kampuchea.⁷⁴ Penyusupan ketenteraan melalui laluan darat ini dikenali sebagai Laluan Ho Chi Minh.⁷⁵ Laluan Ho Chi Minh di darat⁷⁶ merupakan satu sistem laluan gunung dan hutan yang digunakan oleh Vietnam Utara untuk menyusup tentera dan alat kelengkapan tentera ke Vietnam Selatan melalui Laos dan Kampuchea sepanjang Perang Vietnam. Laluan darat ini mula beroperasi pada tahun 1959.⁷⁷

⁷² Neil Sheehan, et al., *The Pentagon Papers*, London : Routledge and Kegan Paul Ltd., 1971, hlm. 80 dan Richard H. Shultz, *The Secret War Against Hanoi*, New York : Harper Collins Publishers, 2000, hlm. 24.

⁷³ Robert Thompson, *No Exit from Vietnam*, London : Chatto and Windus Ltd., 1969, hlm. 21.

⁷⁴ *The Ho Chi Minh Trail*, Hanoi : Foreign Languages Publishing House, 1982, hlm. 10-11.

⁷⁵ *Ibid.*, hlm. 17 dan O'Balance, *The War in Vietnam*, hlm. 33.

⁷⁶ Lihat Peta 2.

⁷⁷ O' Balance, *The War in Vietnam*, hlm. 33 dan *The New Encyclopedia Britannica*, Volume 5, Chicago : Encyclopedia Britannica, Inc., 1998, hlm. 955.

Laluan Ho Chi Minh merupakan laluan utama kepada Vietnam Utara untuk menjalankan aktiviti penyusupan ketenteraan ke Vietnam Selatan. Pada tahun 1959, dijangka kira-kira 1,800 orang Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan telah disusup masuk ke Vietnam Selatan melalui laluan ini. Angka ini telah meningkat kepada 2,000 orang pada tahun 1960.⁷⁸ Kejayaan penyusupan melalui laluan ini telah mendorong kepada peningkatan penyusupan ketenteraan ke Vietnam Selatan pada tahun-tahun berikutnya dengan menggunakan laluan ini. Ini dapat dibuktikan apabila seramai 3,700 orang Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan disusup masuk ke Vietnam Selatan pada tahun 1961 melalui laluan ini. Bilangan ini meningkat kepada 5,800 orang pada tahun 1962.⁷⁹

Dalam proses penyusupan, Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan akan dihantar melalui kereta api atau trak dari kem latihannya yang terletak di Xuan Mai ke tempat persinggahan di Dong Hoi iaitu bandar yang terletak paling selatan di Vietnam Utara. Dari sana, tentera akan berjalan kaki pada waktu malam untuk mengelakkan serangan udara daripada Amerika Syarikat sehingga ke barat-laut Zon Bebas Tentera atau dikenali sebagai "Kampung Ho" oleh Amerika Syarikat. Di sini, Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan akan berehat beberapa hari untuk menerima pakaian dan peralatan baru, dokumen-dokumen pengenalan diri palsu untuk menyamar identitinya sebagai orang Vietnam Utara.⁸⁰ Selepas itu barulah Tentera Barisan

⁷⁸ O' Balance, *The War in Vietnam*, hlm. 33.

⁷⁹ *Ibid.*, hlm. 38.

⁸⁰ John M. Van Dyke, *North Vietnam's Strategy for Survival*, Palo Alto : Pacific Books Publishers, 1972, hlm. 38-39.

Pembebasan Kebangsaan akan masuk ke Laos⁸¹ dan mereka akan dibantu oleh puak bukit seperti Meo⁸² di sepanjang Laluan Ho Chi Minh di darat.

Di sepanjang Laluan Ho Chi Minh di darat, tempat-tempat persinggahan (staging posts) telah didirikan. Setiap tempat persinggahan atau stesen ini mengandungi dua atau tiga buah pondok yang dikawal oleh skuadron tentera serta mempunyai bilik stor yang penuh dengan beras untuk dibekalkan kepada Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan semasa mereka melaluinya. Di sini, mereka boleh berjalan pada hari siang kerana kawasan ini diliputi hutan tebal yang dapat mengelakkan diri mereka daripada dikesan oleh musuh. Sementara pada waktu malam, mereka tinggal di tapak kem yang didirikan di setiap 10 hingga 15 batu di sepanjang Laluan Ho Chi Minh di darat.⁸³

Laluan Ho Chi Minh di darat lebih sesuai digunakan untuk menyusup bilangan tentera yang banyak serta peralatan tentera yang ringan. Walaupun Laluan Ho Chi Minh di darat telah dikembangkan dengan mewujudkan kemudahan-kemudahan seperti tempat rehat dan hospital pada awal tahun 1960-an, namun masih memerlukan lebih daripada satu bulan untuk sampai di Vietnam Selatan dari Vietnam Utara. Hanyalah pada akhir tahun 1960-an, laluan ini memainkan peranan yang semakin penting apabila trak-trak berat boleh lalu di beberapa bahagian laluan tertentu untuk membekalkan barang keperluan kepada Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan.⁸⁴

⁸¹Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan juga diberi uniform berwarna khaki untuk ditukar semasa berjalan di Laos, tetapi ini bergantung kepada keadaan tentera di Laos pada masa itu.

⁸²O' Balance, *The War in Vietnam*, hlm. 37.

⁸³Van Dyke, *North Vietnam's Strategy for Survival*, hlm. 39.

⁸⁴*The New Encyclopedia Britannica*, hlm. 955.

Dalam aktiviti penyusupan, basikal juga digunakan untuk menghantar alat kelengkapan tentera ke Vietnam Selatan. Setiap basikal mampu membawa kira-kira 150 paun dan berjalan sepanjang 25 batu pada waktu malam. Akan tetapi, sekiranya rak buluh ditambah pada basikal dan ditolak dengan tangan, maka muatan yang boleh dibawa meningkat kepada 600 paun. Oleh yang demikian, sekiranya cara ini digunakan, maka perjalanan sepanjang 175 batu dari Hanoi ke Vinh memakan masa 18 hari.⁸⁵

Untuk mengelakkan daripada dikesan dan diserang dari udara oleh tentera Amerika Syarikat, Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan ini akan melakukan penyamaran pada kenderaan mereka. Sebelum bertolak, sesetengah pemandu menutup bas dan trak mereka dengan ranting-ranting kayu, pelepas kelapa sawit atau daun pisang ataupun mengecat kenderaan mereka dengan warna zaitun kusam supaya dapat menyamar di kawasan pedalaman. Sementara kereta dan jeep biasanya ditutupi dengan jala ikan yang disisip dengan daun. Feri-feri dan jambatan pontun pula diselindungi oleh pokok-pokok muda yang tumbuh lebat di tepi sungai. Selain itu, kereta api biasanya dicat dengan warna kelabu dan perang. Manakala kereta kebal dikotakkan supaya kelihatan sebagai kereta kotak (boxcar). Malah, stesyen-stesyen pengangkutan juga perlu mengadakan penyamaran iaitu stesen-stesen dok dan bas dibina agar kelihatan seperti kawasan rekreasi yang dikelilingi oleh pokok.⁸⁶ Maka, sekali lagi tindakan ini menggambarkan kebijaksanaan perancang agar semua aktiviti penyusupan ketenteraan dapat dijalankan dengan lancar.

⁸⁵ Van Dyke, *North Vietnam's Strategy for Survival*, hlm. 55-56.

⁸⁶ *Ibid.*, hlm. 53.

Memandangkan banyak Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan dijangkiti malaria dan pelbagai penyakit tropika yang lain semasa dalam perjalanan ke Vietnam Selatan, maka hospital telah didirikan di sepanjang Laluan Ho Chi Minh di darat untuk merawat Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan yang dijangkiti penyakit sehingga mereka sembuh.⁸⁷

Memang tidak dapat dinafikan bahawa penggunaan laluan ini juga mempunyai masalahnya tersendiri. Ini termasuklah perjalanan yang lama untuk sampai di Vietnam Selatan, pelbagai jenis penyakit tropika, sukar mendapatkan makanan⁸⁸ serta masalah banjir yang boleh menjelaskan keberkesanan penyusupan ketenteraan melalui laluan ini. Ini kerana Banjaran Truong Son yang mempunyai lebih daripada 200 batang sungai yang panjangnya lebih daripada 10 kilometer telah membentuk gaung yang dalam dan lembah yang sempit di sepanjang pergunungan. Oleh yang demikian, banjir kilat akan berlaku pada musim tengkujuh.⁸⁹

Maka apabila wujudnya satu lagi unit penyusupan ketenteraan yang beroperasi di sepanjang pantai Vietnam pada bulan Julai 1959, ia telah memperkuatkan penyusupan ketenteraan yang mengguna Laluan Ho Chi Minh di darat. Penyusupan ketenteraan dari Vietnam Utara ke Vietnam Selatan yang menggunakan laluan maritim ini dikenali sebagai Laluan Maritim Ho Chi Minh.

⁸⁷ O'Ballance, *The War in Vietnam*, hlm. 37.

⁸⁸ Van Dyke, *North Vietnam's Strategy for Survival*, hlm. 54.

⁸⁹ *The Ho Chi Minh Trail*, hlm. 9.

Kesimpulan

Kegagalan mengadakan pilihan raya pada tahun 1956 di seluruh Vietnam telah menyebabkan Vietnam Utara berjuang secara bersenjata pada tahun 1959 untuk menyatukan Vietnam. Dalam usaha membebaskan Vietnam Selatan, maka aktiviti penyusupan ketenteraan melalui Laluan Ho Chi Minh telah dijalankan untuk membekalkan tentera dan alat senjata kepada Barisan Pembebasan Kebangsaan untuk menggulingkan kerajaan Ngo Dinh Diem. Kekuatan penyusupan ketenteraan bertambah apabila wujudnya Laluan Maritim Ho Chi Minh.